

## KAJI SELIDIK REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN PROTOTAIP E-KINAYAH DALAM MEMAHAMI TEKS TERJEMAHAN AL-QURAN KEPADA BAHASA MELAYU

### *Survey on the Design and Development of the e-KINAYAH Prototype in Understanding Quranic Translation Texts into Malay*

Nasimah Abdullah<sup>1</sup>, Saifulah Samsudin<sup>1</sup>, Lubna Abd. Rahman<sup>2</sup>, Ahmad Nazeer Zainal  
Arifin<sup>3</sup> & Muhamad Adham Hambali<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Universiti Islam Selangor (UIS), (Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia)

<sup>2</sup>Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia)

<sup>3</sup>Universiti Islam Selangor (UIS), (Fakulti Sains Sosial, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia)

Email: <sup>1</sup>[nasimah@uis.edu.my](mailto:nasimah@uis.edu.my), <sup>1</sup>[saifulah@uis.edu.my](mailto:saifulah@uis.edu.my), <sup>2</sup>[lubna@usim.edu.my](mailto:lubna@usim.edu.my), <sup>3</sup>[ahmadnazeer@uis.edu.my](mailto:ahmadnazeer@uis.edu.my), <sup>3</sup>[adhamhambali@uis.edu.my](mailto:adhamhambali@uis.edu.my)

### ABSTRACT

The figurative element of kināyah in the Quran is a rhetorical feature that is difficult to translate into other languages due to its implicit meaning. Inaccurate translation may lead to a loss of the intended context. The Malay community, both old and young, typically refers to printed copies of Quranic translations published by various publishers. However, the use of printed copies is problematic due to their large size, thickness, and sometimes weight. Moreover, the translation of kināyah in some Quranic translations in the market is sometimes inconsistent with the intended meaning, leading the community to compare different copies to obtain the accurate interpretation. The main challenge in teaching and learning the Quranic kināyah lies in the conventional method of delivery. Therefore, a paradigm shift in referencing Quranic translations is necessary, including the use of mobile applications as a more effective alternative. This study focuses on the development of the e-Kinayah prototype, utilizing the Design and Development Research (DDR) approach, structured according to the ADDIE instructional design model. The aim of the e-Kinayah application is to help the community understand the figurative language of kināyah in the Quran through Malay translations. The development of the e-Kinayah prototype is expected to drive future efforts towards the creation of a more comprehensive mobile application named e-Kinayah.

**Keywords:** *Kināyah*; Quran translation; Malay language; prototype design and development.

## ABSTRAK

Unsur kinayah dalam al-Quran adalah elemen retorik yang sukar diterjemahkan ke dalam bahasa lain disebabkan maknanya yang implisit. Terjemahan yang tidak teliti boleh menyebabkan kehilangan konteks yang sebenar. Masyarakat Melayu, baik tua mahupun muda, biasanya merujuk naskhah bercetak terjemahan al-Quran yang diterbitkan oleh pelbagai penerbit. Walau bagaimanapun, penggunaan naskhah bercetak menyukarkan kerana saiznya yang besar, tebal, dan kadangkala berat. Selain itu, kaedah penterjemahan kinayah dalam teks-teks terjemahan al-Quran kadangkala tidak selaras dengan konteks makna sebenar yang dimaksudkan. Hal ini menyebabkan masyarakat perlu membandingkan beberapa naskhah untuk mendapatkan makna yang tepat. Cabaran utama dalam pembelajaran dan pengajaran unsur kinayah al-Quran terletak pada kaedah penyampaian yang masih bersifat konvensional. Oleh itu, satu anjakan paradigma dalam kaedah rujukan teks terjemahan al-Quran perlu diperkenalkan, termasuk penggunaan aplikasi mudah alih sebagai alternatif yang lebih efektif. Kajian ini memberi tumpuan kepada pembangunan prototaip e-Kinayah, yang menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (Design and Development Research, DDR) berasaskan model reka bentuk ADDIE. Aplikasi ini bertujuan membantu masyarakat memahami gaya bahasa kinayah al-Quran melalui teks terjemahan bahasa Melayu. Pembinaan prototaip e-Kinayah diharapkan akan memacu usaha untuk membangunkan aplikasi mudah alih e-Kinayah yang lebih komprehensif pada masa hadapan.

*Kata kunci:* Kinayah, terjemahan al-Quran, bahasa Melayu, rekabentuk dan pembangunan prototaip.

## PENDAHULUAN

Ilmu balaghah bukanlah sesuatu yang asing bagi pelajar di Malaysia yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau ketiga. Namun, pembelajaran balaghah sering menjadi cabaran, khususnya dalam kalangan pelajar Melayu yang tidak bertutur dalam bahasa Arab, disebabkan oleh kerumitan cabang dan jenis ilmu Balaghah (Abdullah et al., 2023b). Balaghah merujuk kepada ilmu retorik Arab yang menekankan penyampaian makna secara tepat, serta menggunakan bahasa yang betul dari segi pemilihan kata, struktur sintaksis dan kesesuaian konteks (Azman, 2018). Oleh itu, balaghah dianggap sebagai cabang linguistik yang berkait rapat dengan analisis wacana pada peringkat leksikal, ayat, dan teks. Walau bagaimanapun, kajian terhadap balaghah bahasa Arab masih kurang diberikan perhatian yang sewajarnya berbanding dengan aspek ilmu sintaksis Arab (*nahw*) meskipun balaghah sebenarnya lanjutan dan pengembangan daripada perbincangan dalam disiplin *nahw* itu sendiri (Abdul-Raof, 2006).

Dari segi sejarah, disiplin ilmu balaghah telah melalui beberapa era perkembangan dan perubahan iaitu dari era sebelum kedatangan Islam sehinggalah kemuncaknya selepas penurunan al-Quran. Al-Quran memberikan pengaruh yang signifikan terhadap perkembangan sastera Arab, hasil daripada keunikan dan keindahan bahasanya yang berjaya mengatasi mutu karya-karya sasterawan Arab terdahulu (Ahmad Hasbullah, 2001). Tetapi, ringkasnya, pada abad ke-8 Hijrah, al-Khāṭib al-Qazwīnī (w. 739H) telah menghasilkan karya penting berjudul *al-Īdāh fī ‘Ulūm al-Balāghah*, yang menjadi antara rujukan utama dalam bidang balaghah. Karya ini menggariskan perbincangan secara komprehensif berkenaan disiplin balaghah melalui pengkategorian tiga cabang utama, iaitu *‘Ilm al-Ma‘ānī* (gaya penyampaian makna atau *stylistics*), *‘Ilm al-Bayān* (gaya kiasan dan figurative atau *figures of speech*), dan *‘Ilm al-Badī‘* (gaya perhiasan bahasa atau *embellishments*) (Abdullah, Samsudin & Suliman, 2021; Abdullah et al., 2023b).

*‘Ilm al-Bayān* merupakan salah satu cabang utama dalam disiplin balaghah yang menumpukan perbincangan kepada prinsip dan kaedah penyampaian makna melalui bentuk ujaran yang berbeza tetapi masih merujuk kepada makna yang jelas dan tersurat (Azman, 2018). Ilmu ini juga ditakrifkan sebagai bidang yang mengkaji peraturan dan pendekatan dalam menyampaikan idea melalui pelbagai bentuk ungkapan yang mampu memberikan kesan retorik yang tersendiri kepada khalayak pendengar atau pembaca (Halim et al., 2018). Antara bentuk gaya bahasa yang termasuk dalam perbincangan *‘Ilm al-Bayān* menurut para sarjana balaghah ialah *al-tashbīh* (perumpamaan), *al-isti‘ārah* (metafora), *al-majāz al-mursal*, *al-majāz al-‘aqli* (kiasan akliah) dan *al-kināyah* (sindiran tersirat atau bahasa kiasan).

## PENYATAAN MASALAH

Dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi yang pesat, penggunaan al-Quran dalam bentuk naskah bercetak berdepan dengan cabaran baharu yang perlu diteliti dengan lebih mendalam lebih-lebih lagi teks terjemahan al-Quran mempunyai pelbagai versi terjemahan. Sebenarnya, peralihan dari penggunaan naskah al-Quran secara bercetak kepada format digital semakin ketara permintaannya. Hal ini menimbulkan persoalan tentang relevansi dan kesesuaiannya dengan keperluan pengguna dalam era digital. Tambahan pula, sebahagian ayat al-Quran mempunyai makna kinayah yang tersirat yang menjadi salah satu aspek cabaran dalam usaha memahami al-Quran kerana sifatnya yang sangat bergantung kepada konteks. Kepelbagaian versi kaedah terjemahan al-Quran kadang-kadang mengelirukan pembaca membuat pilihan yang tepat. Kedua-dua isu ini menunjukkan perlunya kajian yang lebih mendalam bagi memahami kesan dan implikasi terhadap pemahaman serta cara masyarakat berinteraksi dengan al-Quran. Berdasarkan latar belakang ini, kajian ini akan dibahagikan kepada dua aspek utama berikut:

### Makna Kinayah Yang Tersirat dan Bergantung Kepada Konteks

Semua bahasa di dunia mempunyai ungkapan figuratifnya tersendiri dan pakar linguistik Arab merujuknya sebagai *majāzī*. Antara unsur figuratif Arab ialah kinayah. *Kinayah* merujuk kepada ungkapan yang mempunyai maksud tersembunyi (Baharom et al., 2015: 791), atau menyampaikan maksud melalui ungkapan yang membawa pengertian selain makna zahirnya (Anon, 2006: 2034). Ia juga boleh difahami sebagai ungkapan bersifat sindiran yang tetap boleh digunakan dalam makna asalnya (Siti Saodah, 1999). Sebagai contoh, ungkapan (كثير الرماد) digunakan sebagai kiasan kepada sifat dermawan, namun dalam masa yang sama boleh merujuk kepada makna asalnya iaitu banyaknya abu. Hal ini adalah kerana banyaknya abu menunjukkan bahawa dia sering memasak untuk menjamu tamu.

Terjemahan secara leksikal semata-mata, seperti “كثير” kepada “banyak” dan “الرماد” kepada “abu”, tidak mampu menghasilkan kesamaan makna dalam konteks budaya yang berbeza antara masyarakat Arab dan Melayu. Oleh itu, makna sesuatu ungkapan figuratif tidak boleh diberi interpretasi berdasarkan binaan ayat semata-mata di mana perkataan-perkataan tersebut digunakan (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2008). Pemindahan mesej teks yang mengandungi unsur kiasan seperti *kinayah* ke dalam bahasa Melayu tidak boleh dianggap mudah.

Al-Quran merupakan teks suci yang sarat dengan keindahan retorik dan kekayaan gaya bahasa, termasuklah penggunaan gaya figuratif seperti *isti'ārah* (metafora), *kinayah* (metonimi) dan lain-lain (Hasanah et al., 2024; Abdullah, 2024). Penterjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu berperanan penting dalam membantu masyarakat bukan Arab memahami mesej suci yang terkandung dalam al-Quran. Namun demikian, aspek gaya bahasa figuratif seperti *kinayah* sering kali menjadi cabaran besar dalam proses penterjemahan (Abdullah et al., 2018; Abdul-Raof, 2006; al-'Abbasi, 2006; Noor Eliza et al., 2018) kerana maknanya yang bersifat implisit (Abdullah et al., 2023a; Azman & Idris, 2020) dan bergantung kepada konteks wacana (Abdullah et al., 2020). Ketidaktepatan dalam menterjemahkan unsur *kiāyah* boleh menyebabkan kekeliruan atau salah faham terhadap maksud sebenar ayat al-Quran. Dengan sebab itu, makna implisit dalam *kinayah* al-Quran tidak dapat ditafsirkan berdasarkan struktur ayat semata-mata, kerana berlakunya peluasan makna yang bergantung kepada konteks penggunaan dalam sesuatu wacana.

Hal ini bermaksud bahawa penterjemah tidak boleh menterjemahkan *kinayah* al-Quran hanya dengan merujuk kepada peringkat semantik perkataan, frasa atau ayat yang terpisah daripada konteks penggunaan (Abdullah, 2021). Pemerhatian terhadap teks terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu yang ada di pasaran mendapati bahawa kaedah penterjemahan *kinayah* al-Quran kadangkala tidak sepadan dengan konteks makna yang dimaksudkan dalam mesej al-Quran. Keadaan ini berlaku apabila terjemahan yang dihasilkan menggunakan pendekatan literal (Abdullah, 2016). Pendekatan sedemikian boleh menyebabkan mesej sebenar al-Quran tidak disampaikan dengan jelas dan berpotensi menimbulkan kekeliruan (Abdullah, 2017).

Kelemahan dalam menyesuaikan makna *kināyah* dalam terjemahan boleh membawa kepada kekeliruan atau salah tafsir dalam kalangan pembaca. Oleh itu, pembaca teks terjemahan al-Quran perlu diberikan pilihan terjemahan alternatif sekiranya *kināyah* al-Quran diterjemahkan secara literal ke dalam bahasa Melayu sehingga tidak selaras dengan konteks makna sebenar mesej al-Quran. Keadaan ini bermaksud bahawa pembaca teks terjemahan al-Quran tidak boleh bergantung hanya pada satu naskhah al-Quran sahaja, malah mereka perlu membuat perbandingan antara beberapa naskhah yang berbeza untuk mengetahui makna sepadan yang dimaksudkan oleh wacana al-Quran (Abdullah, 2015). Situasi ini selari dengan pandangan para sarjana yang mencadangkan agar usaha penambahbaikan terhadap terjemahan al-Quran dilaksanakan secara berterusan (Azman & Idris, 2020) memandangkan hasil terjemahan kadangkala terdedah kepada isu kualiti, kesilapan padanan, kekeliruan makna, manipulasi maksud, serta penyelewengan mesej (al-'Abbasi, 2006; Ali et al., 2012).

### **Penggunaan Naskhah al-Quran Bercetak Semakin Kurang Relevan dan Tidak Lagi Memenuhi Keperluan Pengguna Dalam Era Digital**

Masyarakat Melayu yang tidak menguasai bahasa Arab lazimnya merujuk kepada terjemahan al-Quran dalam bentuk naskhah bercetak, sama ada berkulit lembut mahupun berkulit keras (Abdullah et al., 2024). Walaupun naskhah-naskhah ini hadir dalam pelbagai warna yang menarik, penggunaannya tetap menimbulkan kesulitan kerana saiznya yang besar, tebal, dan adakalanya berat (Abdullah et al., 2024). Pendek kata pendekatan konvensional sebegini yang masih bergantung pada naskhah bercetak bukan sahaja dilihat kurang praktikal dalam era digital masa kini, terutama bagi generasi muda yang cenderung kepada penggunaan teknologi mudah alih, malah dilihat semakin kurang relevan, khususnya bagi pengguna yang mengutamakan kemudahan akses dan interaktiviti. Tuntasnya, kebergantungan kepada bahan bercetak membataskan kebolehcapaian dan fleksibiliti pengguna.

Ketiadaan medium digital interaktif yang khusus membimbing pengguna memahami *kināyah* dalam terjemahan al-Quran merupakan satu jurang yang signifikan dalam pendidikan al-Quran berasaskan teknologi. Justeru, satu inisiatif inovatif yang menggabungkan pendekatan teknologi dan pedagogi diperlukan untuk menangani isu ini. Pembangunan prototaip *e-KINAYAH* dilihat sebagai langkah awal ke arah penghasilan platform digital yang dapat membantu pengguna memahami makna *kināyah* dalam terjemahan al-Quran secara lebih berkesan, interaktif dan kontekstual.

Sehubungan itu, wujud keperluan mendesak untuk membangunkan satu medium digital yang interaktif, mesra pengguna dan berfokus kepada pemahaman *kināyah* dalam teks terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu. Satu anjakan paradigma dalam kaedah rujukan kepada teks terjemahan al-Quran juga perlu diusahakan bagi menyediakan alternatif kepada masyarakat untuk meneroka makna al-Quran melalui penggunaan peranti mudah alih dan aplikasi mudah alih yang bersesuaian.

Dengan erti kata lain, keperluan terhadap inovasi dalam kaedah penyampaian dan rujukan teks terjemahan al-Quran tidak dapat dinafikan, khususnya dalam memastikan kefahaman yang lebih mendalam dan akses yang lebih mudah dalam kalangan pengguna pelbagai lapisan masyarakat. Keperluan ini seiring dengan perkembangan teknologi dan multimedia pada era globalisasi kini, yang menyaksikan peningkatan penggunaan peranti mudah alih seperti telefon bimbit, i-Pad, telefon pintar, *tablet* dan *Personal Digital Assistant* (PDA) sebagai satu fenomena antarabangsa (Gikas & Grant, 2013). Malah penggunaan aplikasi digital diperlukan oleh pelajar era Industri 4.0 kerana mempunyai impak positif dalam pembelajaran dan berkesan (Ismail et al., 2024).

Justeru, penulisan ini membincangkan reka bentuk dan pembangunan prototaip *e-KINAYAH*, sebuah inisiatif berasaskan teknologi yang bertujuan untuk membantu pengguna memahami makna tersirat dalam ayat-ayat al-Quran melalui terjemahan dalam bahasa Melayu secara lebih mudah, interaktif, dan kontekstual. Secara khusus, artikel ini menumpukan proses pembangunan prototaip *e-KINAYAH* sebagai langkah awal ke arah penyediaan sebuah platform digital alternatif yang menyokong pemahaman gaya bahasa figuratif al-Quran, khususnya unsur *kināyah*, sekali gus menyumbang ke arah inovasi dalam pendidikan al-Quran yang lebih efektif dan relevan dengan kehendak semasa.

Menurut Baharom et al. (2015), prototaip merujuk kepada model awal yang dibangunkan sebagai asas bagi penghasilan sesuatu produk, seperti perisian komputer, yang kemudiannya dapat dikembangkan menjadi model yang lebih baik dan canggih. Sementara itu, Jones dan Richey (2000) menjelaskan bahawa prototaip ialah produk yang dibangunkan hampir menyerupai reka bentuk produk sebenar dan memiliki ciri-ciri yang hampir sama dengan produk akhir.

Oleh itu, istilah prototaip aplikasi mobile e-KINAYAH dalam kajian ini merujuk kepada model asas yang dibangunkan berkenaan kinayah al-Quran sebelum model sebenar yang lebih baik dihasilkan dan diberi nama aplikasi mudah alih e-KINAYAH.

## TINJAUAN LITERATUR

Kajian literatur terdahulu menunjukkan bahawa pembelajaran ilmu balaghah di institusi pendidikan Malaysia, sama ada pada peringkat menengah atau pengajian tinggi, berdepan dengan pelbagai cabaran. Antaranya ialah kepelbagaian cabang ilmu balaghah dan jenisnya (Abdullah et al., 2023b), kekurangan kepelbagaian pendekatan dalam pembelajaran dan pengajaran balaghah (Sulaiman dan Wahid, 2021; Abdullah dan Omar, 2016; Othman et al., 2011; Sopian et al., 2013), tahap penguasaan pelajar yang rendah (Rosni dan Marwan, 2009; Nazri et al., 2017; Sery, 1999; Raja Hazirah, 2012), kepadatan silibus (Muhammad, 2008; Othman, 1999; Rosni dan Marwan, 2009; Muhammad et al., 2007), serta kekurangan bahan bantu mengajar yang menyukarkan pemahaman pelajar terhadap disiplin ini (Mohamed et al., 2021).

Kajian-kajian lepas juga mencadangkan penambahbaikan dilakukan dalam kaedah PdP balaghah. Antaranya ialah menukar kaedah pengajaran yang berorientasikan peperiksaan dan hafalan yang berpusatkan guru atau pensyarah kepada proses pembelajaran berasaskan pembelajaran berpusatkan pelajar (Sulaiman dan Wahid, 2021; Abdullah dan Omar, 2016). Kebergantungan sepenuhnya kepada buku teks semata-mata di dalam kelas perlu dikurangkan dalam proses PdP dengan melaksanakan kaedah pembelajaran terkini yang lebih menyeronokkan dan menarik (Muhammad, 2008). Selain itu, kesukaran mempelajari balaghah boleh juga diatasi sekiranya para pelajar mempunyai perbendaharaan kata Arab yang mencukupi bagi membantu mereka memahami konsep balaghah melalui teks-teks al-Quran, hadis nabi, puisi (*sha'ir*) dan prosa (*nathar*) Arab klasik dan moden (Muhammad, 2008; Nazri et al., 2017).

Topik *kinayah*, sebagai salah satu kandungan dalam subjek balaghah di peringkat menengah dan pengajian tinggi, perlu diberikan perhatian yang sepatutnya. Ini kerana pelajar sering menghadapi kesukaran dalam memberikan interpretasi yang tepat terhadap *kinayah* disebabkan sifat gaya bahasanya yang bersifat implisit. Kebanyakan pelajar hanya bergantung pada modul atau buku teks kurikulum semata-mata, tanpa sokongan bahan bantu mengajar yang bersifat interaktif. Pendekatan konvensional ini mungkin kurang efektif kerana tiada elemen multimedia seperti rajah, visual, infografik atau animasi yang berupaya meningkatkan minat dan pemahaman pelajar terhadap topik *kinayah*.

Kajian yang dijalankan oleh Abdullah et al. (2022) melibatkan 104 responden daripada pelbagai institusi pengajian tinggi dan mendapati bahawa pelajar mengalami kesukaran dalam mengenal pasti serta memahami unsur *kinayah* dalam al-Quran. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa keperluan terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran *kinayah* berada pada tahap tinggi, dengan nilai purata keseluruhan 3.52 dan sisihan piawai 0.444. Penemuan ini mengisyaratkan bahawa penggunaan peranti mudah alih merupakan medium yang sesuai pada masa kini untuk membantu pelbagai lapisan masyarakat, sama ada generasi muda mahupun warga dewasa, dalam memahami padanan makna antara teks sumber (al-Quran) dan teks sasaran (terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu). Secara umum, hasil kajian ini mencerminkan sokongan positif majoriti pelajar terhadap penggunaan teknologi sebagai pendekatan yang dapat membantu dalam pembelajaran topik *kinayah*.

Sebahagian besar kajian terdahulu menyimpulkan bahawa pengajaran dan pembelajaran subjek balaghah memerlukan satu anjakan paradigma, bukan sahaja dari aspek kandungan kurikulum, kaedah dan teknik penyampaian, tetapi juga melalui integrasi teknologi dan multimedia bagi menarik minat pelajar terhadap subjek tersebut. Usaha ke arah perubahan tersebut, sama ada dalam pengajaran

balaghah secara umum mahupun tajuk kināyah secara khusus, boleh dilaksanakan melalui bahan bantu mengajar. Oleh itu, kajian yang menumpukan inovasi dalam pendekatan pengajaran balaghah amat penting bagi menyediakan bahan bantu mengajar alternatif serta memperkukuh penguasaan pelajar dalam bidang ini.

Penggunaan peranti mudah alih pada masa kini dilihat sebagai medium yang sesuai untuk membantu pelajar memahami padanan makna antara teks sumber (bahasa Arab) dan teks sasaran (bahasa Melayu). Oleh itu, usaha pembinaan prototaip e-KINĀYAH dalam kajian ini boleh memberi sumbangan ke arah penginovasian dan pemeraksanaan proses pembelajaran dan pengajaran subjek balaghah bukan sahaja dari sudut penyediaan alat bantu mengajar yang berasaskan pembelajaran berpusatkan pelajar, malah mempelbagaikan teknik pengajaran guru. Selain itu, pembinaan prototaip e-KINĀYAH dalam kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh masyarakat dalam memahami makna kināyah al-Quran.

## **METODOLOGI**

Penulisan ini bertujuan mengupas tentang proses pembinaan prototaip e-Kināyah. Fungsi utama e-Kināyah ialah membantu masyarakat memahami gaya bahasa kināyah al-Quran dan maknanya melalui teks terjemahan dalam bahasa Melayu dengan cara yang lebih jelas, praktikal dan mesra pengguna. Justeru, metodologi yang digunakan bukan sahaja menekankan aspek teknikal pembangunan, tetapi juga aspek kepuasan pengguna sebagai asas keberkesanan aplikasi.

Reka bentuk dan pembangunan prototaip ini berasaskan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (Design and Development Research, DDR) seperti yang dicadangkan oleh Richey, Klein dan Nelson (2004). DDR merujuk kepada kajian sistematik terhadap proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian yang bertujuan membina asas empirikal dalam penghasilan produk instruksional dan bukan instruksional, termasuk model baharu atau yang ditambah baik bagi mengatur proses pembangunannya (Richey & Klein, 2008). Dalam konteks ini, penilaian tahap kepuasan pengguna dianggap penting untuk memastikan hasil reka bentuk benar-benar memenuhi keperluan sasaran pengguna.

Bagi memastikan proses pembangunan prototaip aplikasi e-Kināyah berjalan secara teratur dan terarah, kajian ini menggunakan model reka bentuk ADDIE sebagai panduan. Model ADDIE merangkumi lima fasa utama: analisis (*analysis*), reka bentuk (*design*), pembangunan (*development*), pelaksanaan (*implementation*), dan penilaian (*evaluation*). Pemilihan model ini adalah berasaskan kepada beberapa justifikasi. Selain merupakan model reka bentuk instruksional terawal yang menjadi asas kepada pelbagai model reka bentuk instruksi lain (Jamaluddin & Zaidatun, 2003; Nawi et al., 2014), ADDIE juga menawarkan pendekatan pembangunan yang direka secara sistematik dan terperinci, sekaligus membolehkan dimensi kepuasan pengguna diintegrasikan sejak peringkat analisis hingga penilaian.

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian lapangan serta gabungan kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif bagi tujuan pengumpulan dan penganalisan data. Kajian lapangan dilaksanakan untuk menganalisis keperluan pembangunan aplikasi e-Kināyah, menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual sebagai kaedah pengumpulan data. Soal selidik diedarkan kepada pelajar untuk menilai tahap keperluan, pengalaman pembelajaran sedia ada, serta jangkaan mereka terhadap ciri-ciri aplikasi yang dapat meningkatkan kepuasan pembelajaran. Temu bual bersama tenaga pengajar pula dilaksanakan bagi mendapatkan pandangan pakar mengenai reka bentuk, kesesuaian kandungan, serta elemen antaramuka yang mampu memberi pengalaman pengguna yang positif. Kedua-dua data ini digabungkan bagi menghasilkan asas empirikal kepada reka bentuk prototaip, dengan tujuan akhir memastikan aplikasi e-Kināyah benar-benar meningkatkan tahap kepuasan pengguna.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu i) analisis keperluan, ii) reka bentuk dan pembangunan, dan iii) pelaksanaan dan penilaian.

## Bahagian 1: Analisis Keperluan

Proses reka bentuk dan pembangunan prototaip aplikasi mudah alih ini dimulakan dengan peringkat analisis iaitu fasa di mana kajian melaksanakan analisis keperluan bagi pembangunan prototaip ini. Tujuannya adalah untuk menilai situasi semasa berkaitan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran subjek balaghah secara umum, dan topik kināyah secara khusus. Sehubungan itu, analisis keperluan dilaksanakan melibatkan dua kumpulan responden: i) pelajar bidang pengajian bahasa Arab di beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) melalui pendedaran soal selidik menggunakan *GoogleForm* dan ii) pengajar subjek balaghah yang terdiri daripada pakar bidang melalui sesi temu bual berstruktur menggunakan protokol temu bual.

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah bagi memastikan pemilihan responden mewakili populasi kajian secara adil. Satu set soal selidik telah diedarkan kepada 129 orang responden dari pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) yang mengikuti bidang pengajian bahasa Arab, menggunakan platform *Google Form*. Soal selidik yang dibangunkan bagi mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran subjek balaghah serta tajuk kināyah melalui pendekatan berasaskan teknologi, di samping menilai keperluan pembangunan aplikasi mudah alih e-Kinayah. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (*IBM SPSS* versi 5), dan diuraikan secara deskriptif dalam bentuk purata, sisihan piawai, serta interpretasi data.

Berdasarkan enam (6) soalan dalam soal selidik berkaitan persepsi pelajar terhadap penggunaan pendekatan teknologi dalam pembelajaran subjek balaghah, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam pembelajaran balaghah berada pada tahap sederhana, tetapi kecenderungan pelajar untuk mengguna teknologi adalah tinggi. Ini membayangkan bahawa kepuasan pelajar terhadap medium sedia ada adalah rendah kerana mereka mahukan kaedah digital yang lebih interaktif.

Kajian ini juga memperolehi dapatan yang sama berkaitan pembelajaran tajuk kināyah menggunakan pendekatan teknologi. Berdasarkan tujuh (7) soalan yang diajukan, dapatan menemui bahawa kecenderungan pelajar untuk mempelajari tajuk kināyah melalui penggunaan teknologi adalah tinggi sedangkan penggunaan teknologi dalam pengajaran tajuk kināyah adalah berada pada tahap sederhana. Kedua-dua dapatan ini secara tidak langsung sangat signifikan untuk kajian lanjut berkaitan analisis keperluan pembinaan aplikasi *mobile* e-Kinayah dijalankan.

Bagi aspek keperluan pembangunan aplikasi mudah alih e-Kināyah, majoriti pelajar memberikan maklum balas positif terhadap potensi aplikasi ini dalam membantu pembelajaran topik *kināyah*, berdasarkan interpretasi skor yang berada pada tahap tinggi. Sementara itu, bagi keperluan khusus yang perlu dimasukkan dalam pembangunan aplikasi ini - seperti elemen multimedia (gambar rajah, visual, infografik, animasi), terjemahan yang sepadan dalam bahasa Melayu, serta huraian strategi terjemahan - dapatan menunjukkan interpretasi pada tahap yang sangat tinggi. Secara keseluruhan, rumusan daripada tujuh (7) soalan dalam soal selidik menunjukkan bahawa keperluan membangunkan aplikasi mudah alih e-Kināyah berada pada tahap tinggi, dengan nilai purata keseluruhan 4.09 dan sisihan piawai 0.479. Skor purata 4.09 (tinggi) menandakan pelajar berpuas hati dengan idea aplikasi ini kerana ia memenuhi keperluan mereka seperti elemen multimedia, terjemahan pelbagai versi, dan strategi penjelasan. Kepuasan di sini diukur melalui jangkaan pengguna bahawa aplikasi ini boleh mengatasi kelemahan pembelajaran konvensional.

Kajian rintis turut dijalankan melibatkan 30 orang pelajar lain dalam bidang pengajian bahasa arab yang tidak termasuk dalam sampel kajian sebenar. Kajian rintis ini bertujuan memastikan soal selidik adalah sah dan boleh dipercayai. Nilai Cronbach's Alpha, antara 0.65 hingga 0.95 seperti yang dicadangkan oleh (Chua, 2012) berada pada tahap "baik hingga sangat baik", maka data tentang kepuasan pengguna berasas kukuh.

**Jadual 1: Tahap Kebolehpercayaan Skor Alpha Cronbach**

Skor Alpha Cronbach	Tahap Kebolehpercayaan
0.8 hingga 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7 hingga 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 hingga 0.7	Boleh diterima
<0.6	Item perlu dibaiki
<0.5	Item perlu digugurkan

Sumber: Bond & Fox (2015)

Kaedah temu bual juga dijalankan bagi menjalankan analisis keperluan terhadap pembangunan prototaip aplikasi *mobile e-Kināyah*. Data diperolehi melalui temubual dengan teknik persampelan bertujuan iaitu terhadap 5 orang tenaga pengajar subjek balaghah. Protokol temu bual memberi tumpuan kepada kaedah P&P, kriteria dalam menterjemahkan kināyah dan keperluan pembinaan aplikasi mobile e- Kināyah. Temu bual ini dijalankan melalui medium *Microsoft Teams* dan *VooV Meeting*. Maklumat temu bual direkodkan melalui rakaman audio video dan pengisian borang atau catatan nota. Temubual telah dilakukan pada 9 Mac 2022 dan 14 Mac 2022. Temubual tersebut mengambil masa antara 30 minit hingga 50 minit bagi setiap responden.

Bentuk soalan yang dikemukakan adalah temu bual berstruktur. Protokol temubual ini dilakukan pengesahan oleh dua (2) orang pakar bidang. Kajian juga melakukan proses transkripsi terhadap sesi temubual tersebut. Data temubual ditranskripsi dan dianalisis untuk membentuk tema serta subtema. Tema dan sub tema temubual ini telah dibuat proses keesahan data oleh tiga orang pakar dilantik dalam kajian ini untuk membuat semakan terhadap tema-tema yang telah dibangunkan. Ketiga-tiga pakar merupakan pakar dalam bidang bahasa Arab. Kajian seterusnya membuat pengesahan tema dan sub tema melalui pengiraan *Cohen Kappa*. Analisis *Cohen Kappa* dibuat bertujuan mencari darjah persetujuan unit analisis dengan tema dan konstruk yang dikaji. Berikut merupakan skala persetujuan menggunakan *Cohen Kappa*. Data temubual ditranskripsi dan dianalisis untuk membentuk tema serta subtema.

**Jadual 2: Skala persetujuan Cohen Kappa**

Nilai Kappa	Skala Interpretasi
> 0.90	Sangat Tinggi
0.70 – 0.89	Tinggi
0.30 – 0.69	Sederhana
< 0.30	Rendah

Nilai pekali persetujuan Indeks *Cohen Kappa* adalah berdasarkan rumus berikut:

$$K = \frac{(Fa - Fc)}{(N - Fc)}$$

**Perincian:**

K: Nilai pekali, Fa: Unit persetujuan, Fc: 50% jangkakan persetujuan dan N: Bilangan unit yang diuji nilai persetujuan.

Sumber: Wiersma, W. (2002)

Purata keseluruhan nilai pekali persetujuan Indeks *Cohen Kappa* yang diberikan oleh ketiga-tiga pakar adalah 0.96. Nilai K= 0.96 ini menunjukkan konsensus pakar bahawa aplikasi e-KINAYAH diperlukan dan berpotensi meningkatkan kefahaman kināyah. Hal ini menegaskan bahawa aplikasi boleh meningkatkan kepuasan pengguna akademik kerana ia selaras dengan keperluan pedagogi.

**Jadual 3: Skala persetujuan pakar penilai**

Bil	Nama	Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen Kappa)
1	Pakar A	Bahasa Arab	0.98
2	Pakar B	Bahasa Arab	0.95
3	Pakar C	Bahasa Arab	0.95
<b>Keseluruhan</b>			<b>0.96</b>
<b>(Nilai pekali persetujuan Indeks Cohen Kappa)</b>			

Dapatan temubual menunjukkan bahawa semua tenaga pengajar menyokong pembinaan aplikasi mudah alih e-Kināyah. Sokongan itu terserlah melalui dua aspek utama, iaitu: i) kesediaan mereka mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), dan ii) sokongan mereka terhadap kewujudan aplikasi mudah alih ini sebagai bahan bantu mengajar dalam terjemahan kināyah al-Quran sekiranya aplikasi tersebut berjaya dibangunkan. Ini menggambarkan kepuasan bakal pengguna dari sudut tenaga pengajar, kerana aplikasi membantu mereka dalam PdP.

## **Bahagian 2: Reka Bentuk dan Pembangunan**


Setelah mengenal pasti keperluan pelajar dan tenaga pengajar, peringkat kedua dijalankan iaitu proses mereka bentuk dan membangunkan prototaip aplikasi. Peringkat reka bentuk prototaip melibatkan pelbagai aspek seperti konsep model, carta alir, papan cerita, kandungan dan penerapan teori terjemahan serta keputusan perletakan elemen menu, objek dan persembahan antara muka.

Peringkat pembangunan prototaip pula melibatkan penggunaan program komputer (*software*) dalam proses pembangunan perisian komputer. Pembinaan prototaip adalah diperlukan sebelum pembinaan aplikasi yang sebenar nanti. Pembangunan aplikasi merujuk kepada proses menghasilkan aplikasi dalam bentuk prototaip berdasarkan reka bentuk yang telah dirancang sebelumnya. Proses membangunkan kandungan aplikasi mudah alih itu pula adalah dengan menggunakan *Adobe Animate* bagi menghasilkan prototaip aplikasi. Prototaip aplikasi e-Kinayah ini akan dipakejkan dalam bentuk aplikasi Android bagi memudahkan pengguna sama ada pelajar peringkat menengah atau tinggi serta masyarakat awam mengakses melalui penggunaan peranti mudah alih. Hal ini secara tidak langsung akan menyokong proses pembelajaran dan pengajaran tajuk kināyah melalui penggunaan peranti mudah alih.

Secara lebih jelas, bahagian ini membincangkan dua (2) perkara iaitu i) pra-pembangunan prototaip yang merangkumi akses masuk dan pilihan ayat serta pilihan terjemahan bagi setiap ayat dan ii) pembangunan prototaip yang melibatkan persembahan antara muka.

Perkara pertama iaitu pra pembangunan prototaip bagi aplikasi e-Kinayah dibangunkan berdasarkan ciri-ciri senibina aplikasi mobil yang baik tanpa mengabaikan tujuan aplikasi ini dibangunkan iaitu untuk memberi maklumat mengenai ayat-ayat kiasan (kināyah) dalam Al-Quran. Maka dengan sebab itu, sebuah lakaran model bagi prototaip seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 dibangunkan dengan ciri-ciri tambahan yang sesuai untuk tujuan penambahbaikan pembangunan pada masa akan datang.

Rajah 1: Lakaran Model Aplikasi e-Kinayah





Lakaran model ini bermula dengan akses mudah ke dalam sistem e-Kinayah sehinggalah kepada penyimpanan data dalam pengkalan data khas. Walaupun lakaran model aplikasi *e-Kinayah* yang dibangunkan dalam kajian ini adalah prototaip di mana ia hanya berbentuk paparan maklumat yang sudah sedia ada tanpa memerlukan pengkalan data, namun begitu aplikasi sebenar yang akan dibangunkan pada masa akan datang akan menggunakan pengkalan data supaya segala kemaskini akan lebih tersusun. Pembangunan model ini juga mengambil kira ciri-ciri aplikasi pendidikan yang baik iaitu mudah digunakan dan mempunyai paparan yang mesra pengguna (Flora & Chande, 2014).

Dari sudut akses masuk dan pilihan ayat al-Quran, aplikasi e-Kinayah tidak memerlukan fungsi daftar untuk masuk kerana tujuan aplikasi untuk memberi maklumat berkaitan ayat-ayat kiasan dalam Al-Quran dengan mudah dan pantas. Maka, aplikasi e-Kinayah membenarkan pengguna untuk akses terus ke dalam sistem. Pengguna akan disambut dengan paparan senarai 40 ayat-ayat kiasan dalam Al-Quran sebaik memasuki ke dalam aplikasi e-Kinayah.

Dari sudut pilihan terjemahan bagi setiap ayat al-Quran pula, pengguna boleh terus memilih ayat dan melihat maklumat terjemahan dari beberapa sumber terjemahan yang terpilih iaitu tafsiran ulama, terjemahan Zaini Dahlan, terjemahan Al-Hidayah House of Quran, terjemahan Abdullah Basmeih, terjemahan Karya Bistari, terjemahan Yayasan Restu, terjemahan Mahmud Yunus dan terjemahan dari penyelidik sendiri.

Perkara kedua ialah pembangunan prototaip yang melibatkan persembahan antara muka. Pembangunan prototaip aplikasi e-Kinayah untuk kajian ini dibangunkan menggunakan program *Adobe Animate* versi 2022. Pemilihan *Adobe Animate* dibuat kerana ia mudah untuk dibangunkan tanpa perlu menulis kod aturcara yang memakan masa dan tenaga. Untuk penambahbaikan pada masa hadapan, sudah tentu aplikasi e-Kinayah boleh dibangunkan dengan lebih baik dan tersusun dengan menggunakan software framework seperti *Laravel*, *Flutter* dan lain-lain lagi. Namun sudah tentu ia memerlukan masa, tenaga dan kos tertentu yang lebih tinggi. Pembangunan aplikasi e-Kinayah pada masa depan juga perlu berpandukan *Software Requirement Specification* (SRS) yang lebih menyeluruh. Seperti yang dinyatakan, prototaip e-Kinayah dibangunkan tanpa pengkalan data yang mana segala maklumat

mengenai ayat-ayat kināyah telah siap dipautkan dalam *Adobe Animate* itu sendiri melalui beberapa paparan. Berikut adalah tangkap layar lengkap mengenai aplikasi e-Kinayah.

Tangkap layar	Penerangan
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Paparan utama selepas pengguna membuka aplikasi e-Kinayah di telefon pintar.</li> <li>2. Mengandungi logo e-Kinayah, butang Pengenalan, butang kredit, dan juga butang utama untuk memulakan aplikasi.</li> </ol>
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Paparan selepas butang Mulakan Aplikasi ditekan.</li> <li>2. Paparan menunjukkan senarai ayat-ayat atau perkataan kināyah dalam al-Quran dalam susunan 6 ayat setiap halaman.</li> <li>3. Senarai ini merupakan butang yang boleh ditekan, serta berfungsi untuk membawa kepada halaman informasi bagi setiap ayat.</li> <li>4. Terdapat juga butang <i>Home</i> bagi kembali ke halaman utama aplikasi.</li> </ol>
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Paparan ini muncul selepas salah satu butang ayat atau perkataan kināyah ditekan.</li> <li>2. Paparan utama bagi halaman ini akan menunjukkan ayat penuh dalam al-Quran bagi butang yang ditekan tersebut, dalam bahasa Arab.</li> <li>3. Terdapat juga butang audio yang boleh ditekan, bagi memainkan audio bacaan ayat tersebut.</li> <li>4. Di bahagian bawah, terdapat penerangan bagi ayat atau perkataan kināyah tersebut, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tafsiran Ulama</li> <li>• Terjemah Literal</li> <li>• Terjemahan Alternatif</li> </ul> </li> </ol>

	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Setiap bentuk penerangan ini boleh ditekan dan akan memaparkan penerangan mengikut keperluan pengguna.</li> <li>2. Terdapat penerangan yang mempunyai info tambahan, ditandai dengan icon berhuruf 'i'. Pengguna boleh menekan icon ini bagi memaparkan info tambahan tersebut.</li> </ol>
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi penerangan yang panjang, ruang penerangan akan diletakkan fungsi 'scroll down', bagi memastikan ruang yang tersedia cukup untuk memasukkan semua penerangan.</li> </ol>

### Bahagian 3: Pelaksanaan dan Penilaian

Setelah prototaip tersebut berjaya dibangunkan dengan sempurna, kajian ini diteruskan dengan peringkat ketiga iaitu pelaksanaan bagi tujuan pengujian kebolehgunaan dan keberkesannya, dan juga penilaian prototaip dalam bentuk penilaian formatif melalui ujian alpha dan ujian beta bagi memastikan kualiti dan kesahan maklumat di dalam aplikasi e-KINAYAH. Penilaian formatif hanya dilakukan di peringkat dalaman sahaja iaitu oleh pembangun dengan justifikasi kajian peringkat ini hanya menfokuskan kepada pembangunan prototaip sahaja. Seperti yang telah dinyatakan, bagi menjimatkan masa dan kos pembinaan prototaip e-Kinayah, pembangun hanya menggunakan *adobe animate*. Segala data iaitu ayat-ayat kinayah al-Quran dipautkan secara terus tanpa sistem pengkalan data.


Ujian peringkat alpha ialah sebahagian dari ujian penerimaan (*acceptance test*) yang mana penggunaan data bagi peringkat ujian ini adalah data buatan dan saiz data juga kecil bagi memudahkan pembangun dan pengujian aplikasi untuk menguji dan membetulkan jika terdapat sebarang kegagalan fungsi pada aplikasi. Secara mudahnya, ujian peringkat alpha menfokuskan penyelesaian jika terdapat sebarang isu atau pepijat dan ia dilakukan oleh penguji dalaman iaitu pembangun aplikasi itu sendiri.

Bagi aplikasi e-Kinayah, input data yang diperlukan adalah secara terus dari pengguna yang mana pengguna hanya perlu membuat pilihan tanpa perlu memasukkan apa-apa data bernombor atau teks. Ini adalah kerana prototaip aplikasi e-Kinayah adalah bersifat statik yang memaparkan informasi mengenai ayat-ayat kināyah al-Quran dan terjemahan dari beberapa sumber yang terpilih. Prototaip ini juga tidak memerlukan Sistem Pengurusan Pengakalan Data (*Database Management System*) kerana jumlah data kurang dari 50. Justeru, semua ayat-ayat kināyah telah siap dipautkan dalam *Adobe Animate* itu sendiri.

Ujian peringkat beta juga termasuk di bawah ujian penerimaan (*acceptance test*). Ujian beta biasanya dikendalikan oleh penguji luar yang mana aplikasi yang hampir siap dibangunkan akan dijalankan dalam situasi sebenar (*real environment*) sebelum ia dilancarkan secara penuh kepada pengguna aplikasi. Bagi prototaip aplikasi e-Kinayah ini, pembangunan di peringkat prototaip hanya memerlukan pembangun prototaip sebagai penguji dalaman.

Berikut dipaparkan Rajah 2 yang menunjukkan proses pembangunan prototaip aplikasi e-KINĀYAH:

Rajah 2: Proses Pembangunan Prototaip Aplikasi e-KINĀYAH



## PENUTUP

Realitinya, usaha memahami mesej al-Quran pada masa hadapan tidak lagi memadai sekadar bergantung pada pendekatan konvensional berasaskan naskhah bercetak. Paradigma baharu yang menekankan integrasi teknologi maklumat dan komunikasi perlu diberi perhatian serius agar pemahaman al-Quran lebih bersifat relevan, aksesibel, dan berorientasikan pengguna. Dalam konteks ini, pembangunan prototaip e-Kinayah memperlihatkan satu langkah awal yang signifikan, kerana ia menekankan pengalaman pengguna yang lebih interaktif dan sistematik berbanding kaedah tradisional.

Penggabungan kinayah al-Quran dengan teknologi digital melalui ilustrasi, audio, video, dan ciri interaktif lain bukan sekadar menambah nilai estetik, tetapi secara empirikal mampu meningkatkan kepuasan pengguna dalam memahami nuansa makna kinayah. Lebih penting, pembangunan aplikasi ini turut menitikberatkan pemeliharaan integriti teks al-Quran dengan memastikan terjemahan mengekalkan kesucian makna asal serta keunikan gaya bahasanya. Justeru, aplikasi ini dilihat bukan sahaja menyumbang kepada inovasi pedagogi, tetapi juga kepada kesinambungan epistemologi al-Quran dalam kerangka digital.

Walau bagaimanapun, pembinaan prototaip ini masih berdepan beberapa keterbatasan, terutamanya dari segi skala penilaian dan ketelitian ujian penggunaan. Perancangan seterusnya melibatkan pembangunan aplikasi sebenar melalui ujian alpha oleh pakar bidang bahasa Arab bagi menentukannya kandungan dan reka bentuk, diikuti ujian beta terhadap pelajar pengajian terjemahan Arab-Melayu di UIS. Penilaian sumatif turut dirangka bagi menilai aspek reka bentuk antara muka, visual, aksesibiliti, multimedia, teori terjemahan serta kebolehgunaan aplikasi secara menyeluruh.

Dengan segala keterbatasan yang ada, kajian ini dapat dianggap sebagai perintis dalam menggabungkan dimensi linguistik balaghah al-Quran, khususnya kinayah, dengan pendekatan teknologi digital. Kajian ini secara kritis membuka ruang perbincangan baharu bahawa inovasi dalam pendidikan Islam tidak hanya perlu bersandar kepada kaedah teknikal semata-mata, tetapi juga kepada tahap kepuasan pengguna sebagai indikator keberkesanan sebenar. Penemuan ini wajar dijadikan asas kepada kajian

susunan yang lebih luas, termasuk terhadap elemen balaghah lain, agar wacana linguistik terapan dalam pendidikan Islam terus berkembang dan menyumbang kepada pembangunan tamadun.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UIS umumnya, dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) serta Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) khususnya yang telah memberi peluang kepada penulis untuk menjalankan penyelidikan melalui dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2021 dengan kod penyelidikan KUIS/2021/GPIK-26/GPM/02 dari tempoh Disember 2021 hingga November 2022.

## RUJUKAN

- Abdul-Raof, H. (2006). *Arabic rhetoric: A pragmatic analysis*. Routledge.
- Abdullah, Nasimah. (2015). Tarjamah al-dalalaat al-majaziyyah al-Qur'aniyyah : Dirasat tahliliyyah li asaliib al-tarjamah fi al-tarajum al-malayuwiyyah al-fardiyyah. *Disertasi Doktor Falsafah* (tidak diterbitkan). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kuala Lumpur.
- Abdullah, N. (2016). Dauru al-siyāq fi taḥqīq al-tarjamah al-ṣaḥīḥah (The importance of context in the authentic translation). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 1(1), 113–128. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v1i1.40>
- Abdullah, N. (2017). 'Awāmīlu lujūi' al-shaikh "Abdullah Basmeih ilā taṭbīq al-takafu' al-shakli fi tarjamah al-dilālāt al-majāziyyah al-Qurāniyyah. *Proceedings of Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara*, PAN-TUMN2017. (pp. 518-529). Bangi, Selangor, Malaysia.
- Abdullah, N. (2021). Unsur kelewahan dalam teks terjemahan al-Quran ke Bahasa Melayu. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-18*. Penyunting: Norhazlina Husin, Muhammad Arsyad Abdul Majid, Noraini Ahmad Basri, Normah Ahmad & Rozaimah Rashidin. Universiti Teknologi MARA, Persatuan Penterjemah Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka & Institut Terjemahan dan Buku Negara. 486-502.
- Abdullah, N. (2024). Sorotan Literatur Bersistemik Terhadap Terjemahan Majāz al-Quran Kepada Bahasa Melayu. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(2), 1-15. <https://jcis.uitm.edu.my/volume-10-issue-2-2024/>
- Abdullah, A. H., & Omar, M. C. (2016). A prolonged dilemma: Traditional curriculum of Arabic Rhetoric (Balaghah) in Malaysia. *The Social Sciences*, 11(6), 1008–1014.
- Abdullah, N. Abd. Rahman, L., & Samsudin, S. (2018). Terjemahan kināyah dalam wacana al-Quran: Analisis teori semantik Newmark. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 5(2), 256-276. <http://rmc.kuis.edu.my/jpi>
- Abdullah, N., Rahman, L. A., & Samsudin, S. (2020). Terjemahan kināyah dalam wacana Al-Quran: Analisis teori komunikatif Newmark. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 5(30), 40-61.
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2021). Masalah semantik dalam terjemahan majāz mursal al-Quran: Analisis terhadap hubungan musabbab. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 508-522. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.145>
- Abdullah, N., Samsudin, S., Rahman, L. A., Arifin, A. N. Z., & Hambali, M. A. (2023a). Analisis keperluan pelajar terhadap penggunaan teknologi dalam memahami terjemahan kināyah al-Quran kepada bahasa melayu. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 10(2), 65-84. DOI: <https://doi.org/10.53840/ejpi.v10i2>
- Abdullah, N., Samsudin, S., Rahman, L. A., Arifin, A. N. Z., & Hambali, M. A. (2023b). Persepsi pelajar pengajian bahasa arab terhadap pembelajaran dan pengajaran balaghah menggunakan pendekatan teknologi: The perception of arabic language studies students on learning and teaching arabic rhetorical sciences using technology approach. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 75-90. <https://doi.org/10.53840/ejpi.vi>
- Abdullah, N., Rahman, L. A., Samsudin, S., & Mansor, N. (2024). Potensi penggunaan aplikasi mudah alih dalam pengajaran terjemahan kināyah al-Quran kepada Bahasa Melayu. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 11(2), 146-164. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v11i2>

- Ahmad Hasbullah. (2001). Perkembangan retorik Arab dari zaman Umayyah hingga zaman Abbasiyyah. Dalam *Monograf Bahasa Arab*. Bil. 1 Mei 2001. Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi, Universiti Putra Malaysia. 99-116.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan teknik terjemahan*. Cetakan Ke-5. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd & Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Al-'Abbasi, Ahmad Abdul Aziz Mahyub. (2006). Qābiliyyāt al-ta'abīr al-balāghiyat wa al-thaqāfiyyat li al-tarjamat fi ɗau dirāsāt tarājum ma'ānī al-Qur'ān al-karīm ilā al-lughāt al-injilīziyah. *Tesis Doktor Falsafah* (tidak diterbitkan). Fakulti Kemanusiaan Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ali, A., Brakhw, M. A., Munif Z. F. N., & Sharifah Fazliyatun, S. I. (2012). Some linguistic difficulties in translating the holy Quran from Arabic into English. *International Journal of Social Science and Humanity*, 2(6), 588–590. Retrieved from <http://doi.org/10.7763/IJSSH.2012.V2.178>.
- Anon. (2006). *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Che Mat. (2018). *Ilmu al-ma'āni dalam terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Ariffin & Idris Mansor. (2020). Analisis kesahihan terjemahan unsur figuratif al-Quran ke dalam Bahasa Melayu. dalam *Prosiding Madani 2019 Seminar Antarabangsa Masyarakat Madani Alaf 21*. 25 & 26 November 2019. Universiti Malaysia Terengganu. Penyunting: Noor Rohana Mansor, Kasyfullah Abd Kadir, Muhamad Khairul Zakaria, Che Hasniza Che Noh, Samsiah Abdul Hamid, Hamdan Aziz, Syahrin Said, Zamzahaila Mohd Zin dan Khairil Shazmin Kamaruddin. Penerbit UMT. 541-550.
- Baharom et. al. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch model: Fundamental measurement in the human sciences* (3rd ed.). Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Chua, Y. P. (2012). *Asas statistik penyelidikan* (Vol. 2). McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Flora, H. K., & Chande, S. V. (2014). A systematic study on agile software development methodologies and practices. *International Journal of Computer Science and Information Technologies*, 5(3), 3626-3637.
- Gikas, J., & Grant, M. M. (2013). Mobile computing devices in higher education: Student perspectives on learning with cellphones, smartphones & social media. *The Internet and Higher Education*, 19, 18–26.
- Halim, Z. A., Salleh, A. W., Rahman, N. E. A., & Suhane, S. H. M. (2018). Konsep 'ilm al-bayan dalam gaya bahasa Melayu: Sorotan Perbandingan Dan Pemanfaatannya Dalam Pengajaran Ilmu Balaghah. dalam *Proceedings of International Conference on Ummah (ICU2018)*. 406.
- Hasanah, S. U., Asrina, A., & Hadi, S. (2024). Stilistika Al-Qur'an: Keindahan dan kedalaman bahasa ilahi. *El-Mahara: Jurnal Pendidikan dan Bahasa Arab*, 2(1), 27-40.
- Ismail, S., Zain, A. E. M., Ibrahim, H., Ismail, N., Hassan, N. A. A., & Meral, F. F. D. (2024). Kepentingan aplikasi digital dalam pembelajaran anak muda era industri 4.0. *Semarak International Journal of STEM Education*, 1(1), 28-38.
- Jamaluddin Harun & Zaidatun Tasir. (2003). *Multimedia dalam pendidikan*. Bentong: PTS Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Mohamed, Y., Ibrahim, M. H., Saad, N. M., & Ismail, S. (2021). Pelaksanaan PdPC balaghah di institusi pengajian tinggi dari perspektif pensyarah. *AL-QALAM International Online Journal of Arabic Language Studies*, 1(1), 1-19.
- Muhammad, A. (2008). *Pendidikan balaghah Arab di Malaysia*. Penerbit UTM Press.
- Muhammad, A., Abdullah, A. H. bin, Basiron, B. B., Jasmi, K. A. B. I. N., & Noor, S. S. B. I. N. M. (2007). *Penguasaan pelajar sekolah menengah Aliran Agama terhadap pengajian ilmu Retorik Arab*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nawi, A., Hamzah, M. I. & Abd Sattai, S. A. (2014). Potensi penggunaan aplikasi mudah alih (mobile apps) dalam bidang pendidikan Islam. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 1-35. <https://ojie.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/5470>
- Nazri Bin Atoh, Saipolbarin Bin Ramli & Muhammad Zulkifli Bin Abdul Manan. (2017). Keberkesanan pengajaran al- balaghah menggunakan contoh ayat Al-Quran. dalam *Proceedings of The International Conference on The Teaching and Learning of Languages (ICTLL)*. 384.

- Noor Eliza Abdul Rahman, N. A., Anida, N., & Zulazhan Ab. Halim. (2018). Penterjemahan *isti'ārah* dan *kināyah* dalam teks al-quran. dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari, Unisza, 15- 16 September 2018*. 15–16.
- Othman, H. H. (1999). Pengajian balaghah di sekolah agama rakyat (Perak): Pengalaman dan tinjauan. *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*, 113–127.
- Othman, A. J., Norzan, N., Darusalam, G., & Siraj, S. (2011). Cabaran guru program LINUS dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. *Masalah Pendidikan*, 34, 37–51.
- Jones, T. S., & Richey, R. C. (2000). Rapid prototyping methodology in action: A developmental study. *Educational Technology Research and Development*, 48(2), 63-80.
- Raja Hazirah, R. S. (2012). *Penguasaan Balaghah dalam kalangan pelajar IPT*. Doctoral dissertation, Universiti Malaya.
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2008). Research on design and development. In J. M. Spector, M. D. Merrill, J. van Merriënboer, & M. P. Driscoll (Eds.), *Handbook of research for educational communications and technology* (3rd ed., pp. 748–757). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Richey, R. C., Klein, J. D., & Nelson, W. A. (2004). Developmental Research: Studies of Instructional Design and Development. In *Handbook of research for educational communications and technology* (pp. 1099–130). [http://doi.org/10.1007/978-1-4614-3185-5\\_12](http://doi.org/10.1007/978-1-4614-3185-5_12)
- Rosni Samah & Muhammad Marwan Ismail. (2009). *Laporan Penyelidikan Penguasaan al-Balaghah dan Permasalahannya Di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Kajian Di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sery, S. A. M. (1999). *Perintis ke Arah Memberi Nafas Baru kepada Ilmu Balaghah*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Saodah Hassan. (1999). Ilmu bayan satu perbandingan dengan bahasa Melayu. Dalam *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 43-53.
- Sopian, A., Ahmad, S., & Bakar, K. A. (2013). Penguasaan dan permasalahan pelajar terhadap pengajian ilmu balaghah: satu tinjauan awal/Mastery and problem of students against the balaghah studies: A Preliminary Survey. *Islamiyyat*, 35(1), 93.
- Sulaiman, R. H. R., & Wahid, N. A. (2021). Faktor-faktor kelemahan pembelajaran balaghah [Factors of weaknesses in learning balaghah]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 1(2), 111–120. <https://jurnal.nung.com/index.php/jcerah/article/view/40>
- Wiersma, W. (2002). *Research Methods in Educations: An Introduction*. Edition 7. Boston: Allyn & Bacon.